



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### SIARAN MEDIA

#### MAJLIS PERJUMPAAN PEGAWAI – PEGAWAI KERAJAAN BERSAMA-SAMA YAB PERDANA MENTERI

---

**PUTRAJAYA:** Seramai lebih 1,000 Pegawai-Pegawai Kerajaan terdiri daripada pegawai Peringkat Pengurusan dan Profesional iaitu dari Gred 52 hingga JUSA/ KHAS C dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri hadir ke program interaksi ini yang memberi peluang kepada Pegawai - Pegawai Kerajaan berinteraksi dan mendengar aspirasi YAB Perdana Menteri berkaitan hala tuju Perkhidmatan Awam dalam membangunkan Malaysia Baharu dan memastikan perjalanan jentera Kerajaan berada pada landasan yang sebenar berlandaskan prinsip *Good Governance* serta *Rule Of Law*.

Dengan bertemakan **Perkhidmatan Awam Berintegriti Aspirasi Negara**, program ini bertujuan untuk;

- i) menjelaskan halatuju baharu dan matlamat Kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan awam yang berteraskan nilai, kualiti, amanah dan bebas rasuah;
- ii) memahami dan menghayati kehendak *stakeholders* agar dapat memberikan perkhidmatan yang profesional, terbaik dan berkesan kepada rakyat;
- iii) memupuk semangat patriotisme, taat setia dan berkecuali (*loyal and neutral*) dalam memainkan peranan sebagai pengantara Kerajaan dan rakyat; dan

- iv) membentuk sikap bertanggungjawab sebagai bakal pemimpin yang mempunyai *political acumen* iaitu objektif, berani, tepat dan cepat bertindak dalam membuat keputusan.

Majlis Perjumpaan Pegawai-Pegawai Kerajaan bersama YAB Perdana Menteri pada hari ini bertempat di Dewan De Seri Endon Puspanitapuri, Putrajaya dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan siri pertama yang diadakan pada tahun ini. Manakala bagi siri kedua, majlis ini dijangka akan diadakan pada bulan Jun 2019 dengan melibatkan pegawai-pegawai kerajaan dari Gred 41 sehingga 48.

#####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 30 April 2019  
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2( 40 )